

# Kaut untung pajak lesen bot

Harga pajakan  
sehingga  
mencecah  
RM200,000  
setahun

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

**A**genensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu tidak menafikan wujudnya aktiviti pemajakan lesen bot kepada nelayan warga asing oleh pemilik lesen bot warga tempatan demi mengaut keuntungan berganda.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, siasatan mendapati ada dalam kalangan individu ini meletakkan harga pajakan sehingga mencecah RM200,000 setahun.

"Tindakan tidak bertanggungjawab individu ini sedikit sebanyak mempengaruhi kebanjiran nelayan warga asing terutamanya dari Vietnam menceroboh masuk perairan



Muhammad Suffi (kanan) menunjukkan sebahagian hasil laut yang dirampas hasil tangkapan dua buah bot nelayan Vietnam.

negara.

"Mereka semakin berani dan lebih yakin kerana dengan memiliki lesen yang dipajakkannya oleh warga tempatan sendiri, dapat mengaburi mata pihak berkuasa selain boleh memalsukan nombor dokumen bot sewenang-wenangnya serta menggunakan pendaftaran bot tempatan untuk mengelirukan."

"Selain itu, warga asing ini lebih agresif mencuri hasil laut di perairan kita kerana

dengan adanya lesen yang dipajakkannya, mereka merasakan lebih 'selamat' menceroboh perairan negara," katanya di pejabat Maritim Terengganu, di sini, semalam.

Muhammad Suffi berkata, terkini, dua buah bot Vietnam ditahan selepas dikesan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara, sempena Ops Makmur, kelmarin.

Kedua-dua bot itu ditahan di satu lokasi iaitu 80 batu nautika dari muara

info

Dua buah bot Vietnam ditahan selepas dikesan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Kuala Terengganu, iaitu antara jam 6.59 petang hingga 7.50 malam.

Jelasnya, turut ditahan seramai 21 awak-awak termasuk tukong yang berusia antara 22 hingga 50 tahun

dengan nilai rampasan hampir RM2.5 juta termasuk hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati mereka tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan sah dan permit kerja yang sah selain memalsukan dokumen bot selain melakukan kesalahan dengan menggunakan tunda ganding."

"Kesemuanya kini ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1) (a) 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran yang sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.

Muhammad Suffi berkata, selain itu, kesemua nelayan asing ditahan akan disiasat mengikut Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen kerana tidak memiliki pengenalan diri dan permit kerja yang sah

dan Seksyen 14 (3) (b) Akta Perikanan kerana memalsukan dokumen bot.

Dalam masa sama, Muhammad Suffi menegaskan Maritim tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mana akan merugikan negara.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan darimasa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang Maritim.

"Justeru itu kerjasama daripada masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Terengganu," katanya.